

Headline	Pameran, lelong barang antik di Muzium Sultan Alam Shah		
Date	15. Oct 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	14
Section	Dlm Negeri	Article Size	275 cm²
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color
		AdValue	8439.96



Pameran, lelong barang antik di Muzium Sultan Alam Shah

SERDANG 14 Okt. – Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama 'Heritage Auction House' akan mengajarkan pameran serta lelong barang antik terbesar di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam pada 24 hingga 26 Oktober ini.

Pameran yang akan dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said itu bakal menempatkan kira-kira 400 pelbagai barang antik yang diperoleh di serata dunia seperti dari Asia, Eropah dan Amerika.

Penyelia pameran yang juga pensyarah Jabatan Komunikasi UPM, Dr. Muhammad Pauzi Abd. Latif berkata, idea pameran berkenaan datangnya daripada beliau dan kumpulan pelajar sarjana komunikasi universiti berkenaan.

"Matlamat utama penjualan lelong ini ialah untuk mengisi Tabung Kebajikan Pelajar UPM se-lain memenuhi syarat pengajian pelajar-pelajar yang terlibat," katanya.

Beliau berkata, antara tarikan utama pada program pameran dan lelongan itu ialah senaskhah al-Quran beriluminasi tertua di Asia Tenggara yang berusia 400 tahun.

"Pihak perpustakaan British telah mengesahkan keaslian naskhah al-Quran berkenaan setelah diselidik oleh mereka yang berpengalaman dalam bidang tersebut."



CHE Ibrahim Salleh menunjukkan barang antik yang akan dipamerkan di Muzium Sultan Alam Shah mulai 24 hingga 26 Oktober ini.

but," katanya.

Jelasnya, walaupun naskhah al-Quran itu tidak dijual atau dilelong, orang ramai tidak wajar melepasan peluang untuk melihatnya secara dekat kerana ia belum pernah dipamerkan di mana-mana muzium sebelum ini.

"Selain naskhah al-Quran, beberapa barang lain yang akan dipertontonkan tetapi tidak dilelong kepada orang ramai ialah

kain kaabah atau dikenali sebagai 'kiswah' dan keris berusia 1,000 tahun bernama Keris Utama Perabu Demak dari Indonesia," katanya.

Bagi Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Profesor Madya Dr. Che Ibrahim Salleh, beliau yakin pencinta barang antik tidak melepaskan peluang untuk datang ke pameran itu.

"Antara barang antik yang boleh dibeli oleh orang ramai ialah kain cindai berusia 100 tahun, radio 'polyphone' iaitu radio paling awal dicipta dari Jerman, mesin taip dicipta pada tahun 1913 dan beberapa kerongsang intan serta rubi dari Melaka," katanya.

Beliau berharap nilai sejarah yang dipamerkan dapat menutup sentimen nasionalisme di kalangan pelajar dan orang ramai.

"Kadangkala nilai sejarah sesuatu barang itu berkait rapat dengan hati nurani bangsa, justeru melalui cara ini, rakyat Malaysia dapat berbangga dengan penciptaan nenek moyang mereka pada masa lampau," jelasnya.

Sementara itu, sesi lelongan pula akan diadakan di Dewan Raja Lumu, muzium berkenaan pada pukul 2 petang, 26 Oktober.

Difahamkan bidaan terendah pada sesi lelongan itu dijangka bermula pada harga RM2,000 dan boleh mencapai sehingga RM500,000.

Bagi sesi pameran itu pula, ia akan dibuka kepada orang ramai mulai pukul 9.30 pagi hingga 5 petang di Dewan Pameran Daeng Menambu di muzium yang sama.

Program lelongan tersebut terbuka kepada orang ramai secara percuma dan sebarang maklumat lanjut boleh melayari laman web <http://www.fbmk.upm.edu.my>